



# FFVM menguji bakat pelajar IPT

**K**aedah pembelajaran terbaik yang diperoleh pelajar ketika pengajian ialah secara teori dan amali. Pelajar mendapat ilmu secara teori di dewan kuliah dan bilik tutorial, namun bagi memantapkan ilmu yang diperoleh, mereka perlu mendedahkan diri dengan ilmu amali. Melaluinya, mereka dapat mempraktikkan teori yang dipelajari di bilik kuliah.

Pelajar pengajian komunikasi dan media di negara ini diwajibkan menjalani latihan industri selama satu semester pada akhir pengajian dengan tujuan meningkatkan pemahaman mengenai ilmu teori komunikasi yang dipelajari di samping mendedahkan diri dengan dunia kerjaya sebenar

Di kampus, pelajar diberi peluang menonjolkan bakat dalam disiplin yang diminati sama ada sebagai wartawan media cetak atau elektronik, penyampai berita, pengendali rancangan, penulis skrip filem atau drama, menghasilkan dokumentari mahupun menghasilkan video dan filem pendek.

## Praktik ilmu

Selain itu, berpeluang mempraktikkan mengenai penataan bunyi, penataan seni, penyuntingan, sinematografi, penulisan skrip selain pengarah video dan filem. Pendedahan begini amat penting supaya memudahkan mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan industri kreatif yang kini semakin berkembang pesat seterusnya, menjadikan industri itu sebagai tempat mereka bekerja kelak.

Harapan universiti supaya mereka, yang merupakan pelapis industri pembikinan filem dan pengarah produksi tanah air berupaya menjadi graduan yang berkemahiran tinggi dan beretika serta patuh kepada profesion.

Satu daripada platform untuk menguji bakat kreatif mereka ialah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVM) yang akan diadakan pada 15-16



Nasional Malaysia (Finas).

## FFVM

Festival itu antara lain bertujuan menyediakan platform dan mengiktiraf hasil kerja pelajar yang terlibat dalam bidang komunikasi, penyiaran, perfileman dan multimedia. Festival itu juga menggalakkan penerapan nilai-nilai murni dalam menghasilkan produk media yang selari dengan konsep halal, merangkumi peringkat praproduksi, produksi dan pascaproduksi.

Berkemungkinan mereka akan dilamar sebagai pekerja oleh pemain industri kreatif di negara ini. Tentunya, ini satu peluang untuk mereka memperoleh pekerjaan dengan mudah. Dengan bertemakan Evolusi Lensa Merentas Globalisasi, festival itu menekankan aspek pemantapan kualiti produk penyiaran di Malaysia termasuk kualiti mesej yang

disampaikan di dalamnya. Aspek utama isi kandungan yang ditekankan ialah nilai-nilai murni dalam era globalisasi.

Festival yang berbentuk ilmiah dan manifestasi filem itu terbuka penyertaannya kepada semua pelajar institusi pengajian (IPT) awam dan swasta di negara ini terutama daripada program pengajian komunikasi dan media.

## Pendedahan

Festival itu memberi pendedahan yang amat baik kepada pelajar kerana berpeluang mempamerkan hasil kreativiti masing-masing di gelanggang yang lebih luas serta bakal menerima pengiktirafan daripada penganjur.

Kemuncak FFVPM itu ialah malam anugerah yang akan dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Check. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang festival itu berlangsung termasuk pameran, seminar, bengkel dan tayangan filem yang dibuka kepada orang ramai. Festival itu turut dimeriahkan dengan penganjuran Karnival Komunikasi 2013 (K-KOM 2013) yang julung kali diadakan oleh Program Komunikasi, USIM.